

# KUTKM anjur Pesta Tadau Keamatan, Gawai

Archival News | Utusan Malaysia | 20/08/2004

MELAKA 19 Ogos \_ Persembahan kebudayaan suku kaum etnik Sabah dan Sarawak adalah antara acara menarik pada Pesta Tadau Keamatan, Gawai dan Citra Budaya anjuran Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) di Dataran Sejarah Ayer Keroh di sini, Ahad ini.

Pesta itu, yang diadakan sempena perayaan Bulan Kemerdekaan bertujuan memperkenalkan lagi kebudayaan, permainan serta makanan rakyat Sabah dan Sarawak kepada masyarakat umum di negeri ini.

Menurut kenyataan yang dikeluarkan KUTKM di sini, hari ini, pesta itu juga akan dimeriahkan dengan persembahan drama Keamatan dan Gawai Dayak, koir, dikir barat, nasyid, dondang sayang, zapin dan joget.

(Source : Utusan Malaysia)

